

NO. SOALAN : 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina laluan bagi perkhidmatan kereta api bagi menghubungkan secara terus Lembah Klang ke Pantai Timur yang mana manfaatnya akan dapat dinikmati oleh kira-kira 4.5 juta penduduk di Pahang, Terengganu dan Kelantan. Ini sejajar dengan RMK-10 iaitu memberi penekanan penting kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan dalam memenuhi keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja naiktaraf dan baik pulih landasan sedia ada di sektor pantai timur dari Gemas ke Tumpat serta di Lembah Kelang. Di bawah RMKe-11, Kerajaan telah memperuntukkan RM870 juta untuk membaikpulih dan menaiktaraf landasan pantai timur termasuk untuk kerja-kerja pembaikan akibat banjir yang berlaku pada penghujung tahun 2014. Kerja-kerja ini adalah amat penting supaya penduduk tempatan terus mendapat akses kepada perkhidmatan berasaskan rel yang merupakan mod pengangkutan utama mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih meneliti cadangan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) oleh pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Ia merupakan projek infrastruktur penting di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang akan menghubungkan Lembah Klang dan kawasan Pantai Timur. Jajaran cadangan projek ini meliputi bandar utama seperti Kuala Lumpur, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Pihak ECERDC telahpun melaksanakan kajian kemungkinan cadangan pembangunan projek ECRL dan hasil kajian dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi (EC) pada 18 Februari 2013.

Pada masa ini, ECERDC sedang menjalankan kajian kebolehlaksanaan kewangan (*financial feasibility*) serta impak terhadap sosioekonomi dan industri pengangkutan di ECER sebelum keputusan pelaksanaan pembangunan ECRL dibuat oleh Kerajaan. Di samping itu, ECERDC juga akan mengelola *market sensing* bagi Projek ECRL pada bulan April

2016 dan semua pihak yang berminat akan dipelawa untuk menghantar cadangan yang lebih terperinci untuk dinilai secara saksama.

Sekian, terima kasih.